

25/11/2001

Natrabu di KL

RESTORAN Minang Natrabu sudah bertapak di Indonesia sejak 1958. Malah, apabila mengunjungi Jakarta, anda tidak menghadapi masalah mencari restoran itu kerana ia sudah lama dikenali.

Namun, di Malaysia rangkaian restoran itu baru saja dibuka, tidak jauh dari KL Sentral. Walaupun baru bertapak pada 31 Oktober lalu, restoran itu sudah mendapat sambutan ramai. Beberapa menteri kabinet dan ahli korporat sudah merasai kelazatan hidangan di restoran itu yang menjanjikan layanan memuaskan dan keselesaan tempat duduk.

Pengarah restoran itu, Shamsul Anwar Mohd Razi berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggalakkan penubuhan rangkaian restoran Natrabu di Malaysia selepas beliau beberapa kali menikmati sendiri hidangan restoran itu di Jakarta sejak 1990 lalu.

Yang jelas, Natrabu menghidangkan masakan istimewa daripada tukang masak khas yang dibawa dari Indonesia untuk memastikan keasliannya. Antara menu popular ialah rendang daging, ayam kampung pop dan gulai, sambal goreng hati ayam dan soto daging minang.

Ada juga makanan yang mengekalkan nama Indonesia seperti dendeng, kikil, sup bontot, babat, telur setengah matang, perkedil, sambal ijo dan gado-gado.

Sempena bulan Ramadan, restoran itu turut memberi peluang umat Islam berbuka secara bufet dengan bayaran RM24.90 seorang. Selain masakan Minang, makanan tempatan dan kuih-muih juga disediakan mengikut cita rasa umat Islam negara ini.

Mereka juga berpeluang bersolat Maghrib selepas berbuka. Pihak restoran ada menyediakan ruang khas untuk tujuan itu.

Sesiapa yang mahu menikmati kelazatan berbuka di Natrabu, jangan lupa menghubungi restoran itu menerusi talian 03-22733477/3499. Mereka yang menggunakan kenderaan boleh melalui Jalan Brickfields sebelum memasuki ruang terbuka tempat kereta di KL Sentral.

(END)